

# **PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP INPUT DALAM FORUM PENDIDIKAN**

*Chin Mei Keong, Lew Moi Mooi & Mohd On Ahmad*

## **Abstrak**

*Forum Pendidikan telah dianjurkan kepada guru pelatih Semester Lapan Program PISMP di sebuah Institut Pendidikan Guru. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih tentang input yang disampaikan dalam Forum Pendidikan. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik ke atas responden kajian yang terdiri daripada 60 orang guru pelatih Semester lapan program PISMP Ambilan Januari 2009. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih berpendapat mereka memperoleh ‘banyak’ ( $min = 3.40$ ,  $sp = .56$ ) input dalam forum pendidikan. Kebanyakan guru pelatih membuat rumusan bahawa Forum Pendidikan memberi pendedahan tentang situasi sebenar budaya kerja di sekolah dan mereka telah diberi input tentang cara-cara membuat peningkatan profesionalisme. Dapatan kajian ini secara tidak langsung juga menonjolkan kepentingan memberi kursus induksi kepada para guru permulaan untuk mengasimilasi dan mengakomodasi amalan dengan teori yang dipelajari di IPG. Kajian ini telah memberi implikasi bahawa Forum Pendidikan ialah satu amalan terbaik yang dapat menghubungkaitkan kurikulum pendidikan guru dengan situasi autentik dunia pendidikan. Inisiatif ini dapat memberi sokongan padu memantapkan program pembangunan profesionalisme guru pelatih khususnya dalam aspek budaya kerja sekolah dan seterusnya memajukan diri ke arah menjana transformasi dalam pendidikan.*

**Kata kunci:** *kualiti guru, forum pendidikan, peningkatan profesionalisme, budaya kerja*

## **Pengenalan**

Kemajuan dalam bidang pendidikan sememangnya merupakan tunjang kepada pembangunan sesebuah negara termasuklah Malaysia. Kenyataan ini dibuat memandangkan bahawa pendidikan menyediakan sumber manusia sesebuah negara dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Dalam konteks ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah menetapkan visi dan misi untuk menawarkan sistem pendidikan guru yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memenuhi aspirasi negara. Demi mencapai objektif utama BPG dalam melahirkan guru permulaan yang berkualiti, syarat kelayakan kemasukan guru pelatih telah dinaik taraf iaitu daripada program diploma tiga tahun kepada program ijazah selama lima tahun sejak 2007. Selaras dengan polisi tersebut, kurikulum latihan perguruan turut distrukturkan semula. Sebagai contoh, kurikulum latihan perguruan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) merangkumi dimensi Pengkhususan Pengajaran wajib, contohnya pengkhususan pendidikan khas, pendidikan seni visual, pendidikan muzik dan sebagainya, dimensi Amalan Profesionalisme yang meliputi Pengalaman berdasarkan Sekolah (PBS), Bina Insan Guru (BIG) dan Praktikum. Selain itu, kurikulum latihan juga termasuk dimensi Kokurikulum yang meliputi pelbagai kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan sukan, permainan dan unit beruniform. Kurikulum pendidikan guru dilengkapkan dengan kursus Profesionalisme Keguruan yang memberi fokus kepada teori-teori pembelajaran, pengurusan bilik darjah, falsafah pendidikan dan lain-lain kursus yang berkaitan.

Lantaran itu, proses kemenjadian guru adalah panjang dan aspek perkembangan profesionalisme keguruan harus menjadi prioriti dalam perancangan kerjaya setiap guru pelatih. Mereka wajar membentuk sikap dan amalan profesionalisme yang positif semasa menjalani latihan dalam perkhidmatan demi menyiapkan diri untuk menghadapi cabaran yang mungkin berlaku di sekolah kelak. Tambahan lagi, guru pelatih perlu menyedari bahawa kerjaya keguruan ialah satu bidang profesion yang istimewa dan unik kerana proses pengajaran dan pembelajaran bukan hanya berlaku di bilik darjah malah ia menjangkau masa, tempat dan bidang tugas (Noriati, Boon, Sharifah & Zuraidah, 2010). Selain tugas utama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, guru juga bertanggungjawab dalam hal-hal pengurusan yang termasuk pengurusan jadual waktu, pengurusan bilik darjah, pengurusan pendaftaran murid, pengurusan peperiksaan, pengurusan kurikulum dan sebagainya (Noriati et al., 2010).

Perubahan peranan daripada seorang guru pelatih kepada guru permulaan merupakan satu pengalaman yang penuh dengan cabaran. Cabaran-cabaran yang dihadapi guru masa kini dan masa depan semakin meningkat. Isu yang dihadapi bukan sahaja sekadar masalah murid dan peralatan, tetapi lebih jauh daripada itu termasuk cabaran terhadap kemampuan kecekapan guru menghadapi masyarakat berdasarkan ilmu serta jati diri dalam mengharungi isu-isu yang lebih global (Noriati et al., 2010). Seringkali guru permulaan terpaksa bergelut dengan pelbagai masalah seperti kejutan realiti tentang budaya sekolah, penyesuaian diri kepada tugas di sekolah dan masalah berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Akhiar, Shamsina, & Muhamad, 2012; Noriati et al., 2010). Pada kebiasaannya guru permulaan juga menghadapi suasana berkerja yang berbeza di sekolah daripada suasana semasa latihan di institut pendidikan guru (IPG). Justeru, untuk memudahkan transisi peranan ini, pihak IPG harus membantu guru pelatih menghubungkaitkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dengan amalan yang sepatutnya diperaktikkan di sekolah. Memang terdapat aspek-aspek tertentu yang tidak dapat disampaikan melalui kurikulum pendidikan guru seperti hal-hal tentang budaya kerja sekolah dan pengurusan murid. Pengetahuan dan pendedahan sedemikian sebaik-baiknya diperoleh melalui perkongsian idea dan pengalaman daripada pihak-pihak berkepentingan di sekolah seperti pihak pentadbir sekolah dan guru-guru yang berpengalaman.

Selain itu, demi meningkatkan profesionalisme keguruan, guru pelatih wajar menguasai kemahiran dan pengetahuan yang terkini untuk menjalankan tugas mereka (Boon, 2008). Antara strategi yang membolehkan peningkatan profesionalisme keguruan termasuk melibatkan diri dalam latihan dalaman, kursus pendek kelolaan IPG, sistem pementoran, amalan refleksi melalui penulisan reflektif dan penyediaan portfolio pengajaran, penyelidikan tindakan, latihan profesionalisme berterusan, perkembangan professional “online” dan aktiviti Pusat Kegiatan Guru (Boon, 2008). Maka dapat dirumuskan bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dari segi latihan pra perkhidmatan dalam meningkatkan kualiti guru pelatih. Salah satu amalan yang terbaik di IPG pada masa kini adalah melalui forum pendidikan.

### **Latar Belakang Kajian**

Jabatan Ilmu Pendidikan di salah sebuah institut pendidikan guru, Kuala Lumpur telah mengadakan Forum Pendidikan 2013 yang bertema ‘Guru Permulaan: Antara Realiti dan Persepsi’ pada bulan Mei yang lalu. Secara amnya, Forum Pendidikan merupakan satu inisiatif Jabatan Ilmu Pendidikan untuk meningkatkan kualiti modal insan guru supaya dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu forum pendidikan ini dirancang untuk memberi gambaran yang jelas kepada guru pelatih tentang pelbagai cabaran sebenar dalam dunia pendidikan. Terdapat dua asas pertimbangan untuk menganjurkan Forum Pendidikan ini iaitu sebagai

tindakan susulan kepada laporan Maklum Balas Kepuasan Pelanggan baru-baru ini dan melaksanakan peranan yang diberikan kepada Jabatan Ilmu Pendidikan dalam pengurusan akademik di IPG.

Dalam mesyuarat Majlis Kualiti Institut MSO ISO 9001:2009 IPG Kampus Ilmu Khas Bil. 1/2013, ahli mesyuarat dimaklumkan oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan bahawa guru permulaan keluaran IPG kurang kompeten apabila berhadapan dengan cabaran sebenar di sekolah. Kompetensi guru pelatih telah dinilai oleh pentadbir sekolah berdasarkan kriteria-kriteria berikut: kualiti diri dan kebolehan menyesuaikan diri; pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah; pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah dan pengurusan kerja di sekolah (Bahagian Pendidikan Guru, 2007). Maklum balas dan kepuasan pelanggan dianalisis melalui ‘Borang Aduan Pelanggan’ (LAM-PUP 04-02), ‘Soal Selidik Kepuasan Pelanggan’ (LAM-PUP 04-045) dan ‘Persepsi Pelanggan’ (LAM-PUP 04-06). Daripada maklum balas tersebut, pihak sekolah telah mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk memberi pendedahan sebenar kepada guru-guru permulaan. Antaranya ialah: Guru permulaan perlu bersedia dari aspek mental dan fizikal serta memiliki kemahiran yang tidak hanya tertumpu kepada pengkhususan pengajian; guru permulaan perlu didedahkan kepada peraturan penjawat awam atau etika keguruan dan pembelajaran sepanjang hayat dan guru permulaan perlu diberi taklimat atau pendedahan tentang KSSR dan pelaksanaan Pentkasiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Seterusnya, Forum Pendidikan juga merupakan satu usaha Jabatan Ilmu Pendidikan untuk menuaikan tanggungjawab yang telah diberikan untuk menyampaikan kursus Profesionalisme Keguruan kepada para guru pelatih dalam portfolio pengurusan akademik di IPG. Antara kursus yang diajar kepada guru pelatih semester 8 yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) ialah Asas Kepimpinan dan Perkembangan Keguruan (EDU 3108) dan Guru dan Cabaran Semasa (EDU 3109). Kursus Asas Kepimpinan dan Perkembangan Keguruan membincangkan konsep profesi; ciri-ciri guru sebagai seorang professional; etika, akauntabiliti dan kesantunan guru; peringkat perkembangan guru; kepemimpinan dan peranan guru; kemahiran profesional dan tanggungjawab guru dalam pelbagai aspek kepemimpinan di sekolah. Kursus Guru dan Cabaran Semasa pula membincangkan isu-isu pendidikan dan cabaran semasa; tandatanda awal gangguan emosi dalam kalangan murid dan guru serta cara-cara menanganinya. Isi kandungan kursus juga termasuk kepentingan melakukan inovasi dalam pendidikan serta strategi menguruskan perubahan. Dalam konteks ini, Forum Pendidikan bertindak sebagai satu platform yang memberi pendedahan autentik kepada guru pelatih tentang pelbagai tanggungjawab perlu dipikul semasa bertugas di sekolah yang mungkin berbeza dengan maklumat yang disampaikan dalam dua kursus EDU 3108 dan EDU 3109 tersebut.

Rumusannya, Forum Pendidikan merupakan salah satu usaha Jabatan Ilmu Pendidikan untuk meningkatkan kualiti guru muda dan profesionalisme guru pelatih melalui perkongsian idea, amalan terbaik dan pengalaman dengan tokoh pendidik dan guru cemerlang. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan serta menyediakan mereka untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan lebih berkesan apabila bertugas kelak. Forum Pendidikan juga berhasrat untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran guru muda tentang peranan dan fungsi mereka sebagai penjana transformasi pendidikan negara. Peranan guru, jelasnya, amat penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama.

### **Pernyataan Masalah**

Permasalahan berkenaan isu kualiti guru pelatih sentiasa diperkatakan. Persoalan seperti sama ada seorang bakal pendidik telah mempersiapkan diri secukupnya dari segi mental dan fizikal untuk berkhidmat di sekolah kelak? Adakah guru permulaan dapat

membantu pelajarnya meningkatkan keinginan untuk meneroka alam akademik terutamanya di era globalisasi ini? Persoalan-persoalan seperti ini boleh menjelaskan kredibiliti profesi perguruan di negara kita. Dalam Manual Kualiti BPG ada menyatakan bahawa salah satu peranan utama BPG adalah untuk "menyediakan guru permulaan yang berkemahiran mengajar dalam bidang pengkhususan masing-masing; berkebolehan mengurus aktiviti kurikulum yang dipertanggungjawabkan; dan mematuhi etika profesionalisme keguruan" (Bahagian Pendidikan Guru, 2007, hlm.56). Guru permulaan yang berkualiti ini merupakan modal insan minda kelas pertama seperti yang digariskan di dalam Pelan Induk Pembangunan Pelajaran (2006–2010) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Namun begitu, dalam keadaan sebenarnya, guru-guru permulaan sering dikaitkan dengan masalah profesionalisme (Boon, 2008). Isu-isu ini dilihat sebagai penghalang kepada hasrat untuk melahirkan seorang guru yang berkesan dan berkualiti. Tambahan pula kegagalan guru yang terlatih dalam menunjukkan bahawa mereka benar-benar profesional turut menyumbangkan kepada masalah profesionalisme keguruan. Malahan ada yang beranggapan profesion keguruan hanya suatu profesion minor, baru muncul dan lebih bersifat semi profesion serta mempunyai tahap status sosial yang rendah dan tidak berprestij (Abdul Rahman & Asmawati, 2002; Mohd Hasani , Salleh & Mohammed, 2006; Robiah, 2002).

Pada hakikatnya, banyak kajian telah mengupas aspek-aspek kepentingan membuka minda dan memberi pemahaman kepada guru pelatih tentang tugas dan peranan guru secara terperinci sebelum mereka mengorak langkah bertugas di sekolah (Clandinin & Connelly, 1995; Gratch, 2001; Kelchtermans & Ballet, 2002). Pemahaman mendalam tentang skop tugas guru yang kompleks dan meluas adalah faktor utama pembentukan konsep identiti guru yang positif (Clandinin & Connelly, 1995;). Justeru, adalah penting bagi pihak IPG memberi pendedahan dan pengetahuan yang secukupnya kepada guru pelatih untuk menangani konflik yang timbul daripada budaya sekolah pada peringkat permulaan kerjaya guru agar mereka dapat memperkembangkan amalan dan kemahiran profesionalisme berterusan (Gratch, 2001; Kelchtermans & Ballet, 2002). Pandangan ini turut disokong oleh Bezzina (2006) yang mengatakan bahawa sekiranya guru permulaan tidak diberi persediaan dan pendedahan tentang jangkaan dan budaya kerja sekolah, mereka tidak dapat mempraktikkan kemahiran yang dipelajari semasa latihan perguruan. Implikasinya ialah guru permulaan akan berasa resah, kecewa, mempersoalkan minat terhadap kerjaya guru dan akhirnya akan meninggalkan profesion keguruan seawalnya yang mungkin (Delgado, 1999; Halford, 1998). Lantaran itu, adalah penting untuk mengambil langkah memberi pendedahan kepada guru pelatih tentang cabaran sebenar di sekolah, peluang yang ada untuk meningkatkan profesionalisme mereka dan kompetensi guru yang dijangka oleh pihak pentadbir sekolah. Forum Pendidikan adalah satu-satu amalan terbaik di IPG yang dapat memperkasakan kualiti guru pelatih kita.

### **Objektif Kajian**

Objektif utama Forum pendidikan ialah untuk meningkatkan kualiti guru pelatih di IPG. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih tentang input yang disampaikan dalam Forum Pendidikan. Maklum balas dan persepsi guru pelatih dapat memaklumkan pihak pengajur akan ketercapaian objektif forum dan membuat penambahbaikan sekiranya hasil kurang memuaskan. Persoalan kajian yang perlu dijawab adalah apakah persepsi guru pelatih terhadap input yang diperoleh daripada forum pendidikan?

### **Metodologi**

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul data. Soal-selidik ditadbirkan secara kuantitatif selepas Forum Pendidikan, diikuti dengan

pentadbiran secara kualitatif untuk meninjau lebih mendalam tentang impak forum berkenaan kepada guru pelatih. Dokumen analisis dibuat dengan memperincikan laporan Maklum Balas Pelangan Pengguna dan pro-froma kursus kurikulum pendidikan guru. Responden kajian adalah seramai 60 orang guru pelatih Semester I pada program PISMP Ambilan Januari 2009 dari beberapa jabatan pengkhususan. Hanya 53 set soal selidik dikembalikan selepas forum pendidikan dijalankan.

## Instrumen

Instrumen berbentuk soal selidik telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Soal selidik ini terdiri daripada 8 item soalan ( $\alpha = 0.90$ ) yang menggunakan skala Likert di antara 1 hingga 4, dan dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat tentang input yang diperoleh dalam Forum Pendidikan. Bahagian B ialah satu soalan terbuka bagi mengetahui rumusan guru pelatih terhadap input yang diperoleh dalam Forum Pendidikan.

## Analisis Data

Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk meninjau persepsi guru pelatih terhadap input yang diperoleh dalam Forum Pendidikan, data yang bersifat kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan berdasarkan min dan sisihan piawai. Untuk menetapkan tahap persepsi guru pelatih terhadap input yang diperoleh daripada forum pendidikan, penyelidik telah menggunakan skala pemeringkatan skor min untuk menganalisis dapatan min mengikut statistik deskriptif (Syed Kamaruzaman, 2013). Berdasarkan julat skala tersebut, penyelidik telah melakukan pembahagian kepada tiga peringkat tahap persepsi guru pelatih terhadap input yang diperoleh daripada forum pendidikan iaitu tahap banyak, tahap sederhana dan tahap kurang seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1. Manakala bagi pertanyaan kepada soalan-soalan terbuka yang mana data yang diperolehi adalah bersifat kualitatif dan menjurus kepada tema-tema yang tertentu, data dianalisis secara induktif (Straus & Corbin, 1990) dengan menggunakan perisian Nvivo bagi memahami rumusan yang dibuat oleh guru pelatih tentang input Forum Pendidikan yang mana seterusnya dapat memperkasakan kualiti guru pelatih.

Jadual 1

### Skala Pemeringkatan Skor Min

Bil Tahap	Skor Min	Tahap Skala Pemeringkatan Skor Min
1	0.00 -1.33	Kurang
2	1.34 – 2.67	Sederhana banyak
3	2.68 – 4.00	Banyak

Sumber. Syed Kamaruzaman (2013).

## Dapatan Kajian

Data kuantitatif dan kualitatif telah dianalisis untuk menjawab persoalan kajian ‘apakah persepsi guru pelatih terhadap input yang diperoleh daripada forum pendidikan?’ Secara keseluruhannya, guru pelatih berpendapat bahawa mereka memperoleh ‘banyak’ ( $min = 3.40$ ,  $sp = .56$ ) input dalam forum pendidikan ini. Item tentang ‘Menyedarkan saya tentang pelbagai tugas sampingan guru di sekolah nanti’ dan item tentang ‘Menguatkan semangat berkerja saya sebagai guru permulaan’ masing-masing mencatat min tertinggi iaitu 3.51 ( $sp = .54$ ). Ini bermakna guru pelatih berpandangan bahawa input forum

pendidikan telah menyedarkan mereka tentang pelbagai tugas sampingan guru di sekolah dan mereka lebih bersemangat untuk berkerja sebagai guru permulaan. Berikutannya, item tentang ‘membantu saya menghadapi cabaran di sekolah nanti’ dan ‘mempengaruhi pandangan saya tentang peranan sebagai seorang guru’ mencatat min 3.42 ( $sp = .53$ ). Item ‘Membantu saya membuat persiapan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang mungkin berlaku di sekolah nanti’ memperoleh min 3.41 ( $sp = .53$ ). Keputusan maklum balas menunjukkan tiga item mencatat min rendah berbanding dengan item-item lain. Sebagai contoh, item ‘Memaklumkan situasi sebenar budaya kerja di sekolah’ ( $min = 3.36$ ,  $sp = .52$ ) dan item ‘Memaklumkan jangkaan pentadbir terhadap guru permulaan ( $min = 3.30$ ,  $sp = .57$ ). Sementara itu, item ‘Mendedahkan saya peluang untuk peningkatan profesionalisme’ mencatat min terendah ( $min = 3.28$ ,  $sp = .63$ ) dalam keputusan maklum balas ini. Jadual 2 mempar dengan jelas min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam maklum balas tentang setakat mana input yang diperoleh daripada forum pendidikan.

Jadual 2

*Persepsi Guru Pelatih Terhadap Input yang Diperoleh Daripada Forum Pendidikan*

No Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Memaklumkan situasi sebenar budaya kerja di sekolah	3.36	.52
2.	Memaklumkan jangkaan pentadbir terhadap guru permulaan	3.30	.57
3.	Menyedarkan saya tentang pelbagai tugas sampingan guru di sekolah nanti	3.51	.54
4.	Mendedahkan saya peluang untuk peningkatan profesionalisme	3.28	.63
5.	Menguatkan semangat berkerja saya sebagai guru permulaan	3.51	.64
6.	Membantu saya menghadapi cabaran di sekolah nanti	3.42	.53
7.	Mempengaruhi pandangan saya tentang peranan sebagai seorang guru	3.42	.53
8.	Membantu saya membuat persiapan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang mungkin berlaku di sekolah nanti	3.41	.53
Keseluruhan		3.40	.56

**Penganalisisan Rumusan Guru Pelatih Terhadap Input yang Diperoleh dalam Forum Pendidikan Untuk Meninjau Ketercapaian Objektif Forum**

Selain data soal selidik yang berbentuk kuantitatif, guru pelatih juga diminta memberi pandangan secara bertulis. Analisi data terhadap respon dalam soalan terbuka memberi gambaran bahawa objektif forum telah tercapai. Pandangan guru pelatih rata-ratanya adalah positif dan menggalakkan. Kebanyakan guru pelatih berpandangan bahawa Forum Pendidikan memberi pendedahan tentang situasi sebenar budaya kerja di sekolah yang membantu mereka membuat kesediaan untuk menghadapi cabaran di sekolah kelak. Ramai guru pelatih juga berpandangan bahawa mereka telah diberi input tentang cara-cara membuat peningkatan profesionalisme, antaranya adalah melalui landasan guru cemerlang. Berikut adalah pandangan daripada guru pelatih mengikut tema-tema yang telah dikenalpasti.

a) Situasi Sebenar Budaya Kerja di Sekolah

Sebilangan guru pelatih berpendapat bahawa perkongsian pengalaman ahli panel dalam Forum Pendidikan telah menambah ilmu pengetahuan mereka tentang situasi sebenar budaya kerja di sekolah. Ilmu berkenaan akan dapat membantu mereka lebih bersedia apabila memainkan peranan sebagai guru permulaan. Berikut disertakan pandangan daripada beberapa orang guru pelatih.

“.....memberi gambaran awal situasi sebenar budaya kerja di sekolah” (ID 02)

“.....guru mempunyai pelbagai tugas dan tanggungjawab” (ID 07)

“.....pengetahuan banyak tentang realiti sebenar di sekolah” (ID 10)

“.....pelbagai info tentang struktur pendidikan dan perkara yang berlaku di sekolah” (ID15)

“.....mendedahkan saya kepada perkara sebenar oleh guru semasa di sekolah” (ID 23)

b) Menghadapi Cabaran di Sekolah

Kebanyakan guru pelatih turut merumuskan bahawa idea dan pengalaman yang dikongsikan dalam Forum Pendidikan selain menyedarkan mereka tentang tugas-tugas sampingan guru di sekolah, input juga membantu mereka menyiapkan diri lebih awal di IPG sebelum bertugas di alam persekolahan. Mereka berpendapat bahawa:

“.....perlu lebih komited kepada semua tugas dan menghadiri semua kursus yang dianjurkan” (ID11)

“....memberi input tentang situasi dan cabaran di sekolah, cara penyesuaian diri untuk menghadapi masalah di sekolah” (ID 14)

“....cuba melengkapkan diri dengan pelbagai aspek kemahiran, pentadbiran, pengurusan dan akademik (ID 32)

“.....pelbagai maklumat sebagai bekalan di sekolah, perlu fleksibel utk memenuhi keperluan sekolah dan murid. (ID 33)

“..pengetahuan baru dan perkongsian pengalaman memberi kekuatan kepada saya untuk bersedia sebelum posting” (ID 42)

“...lebih yakin untuk menghadapi cabaran dan situasi sebenar di sekolah, pelbagai tugas guru di sekolah” (ID 47)

“.... perlu melibatkan diri dalam aktiviti di IPG supaya dapat diaplikasikan di sekolah nanti” (ID 49)

c) Peningkatan Profesionalisme

Selain itu, guru pelatih juga membuat rumusan bahawa kandungan forum pendidikan telah memberi inspirasi kepada mereka untuk berkhidmat ke arah matlamat menjadi seorang guru cemerlang. Peluang peningkatan profesionalisme ini telah memberi semangat kepada mereka untuk mengatasi kelemahan diri. Berikut disertakan pandangan daripada beberapa orang guru pelatih.

“...pengalaman dari guru biasa sehingga menjadi guru cemerlang” (ID 17)

“....mendedahkan bakal guru tentang budaya kerja di sekolah dan peluang untuk peningkatan profesionalisme” (ID 19)

“...memberi harapan menjadi guru cemerlang” (ID 38)

“Perkongsian yang menarik untuk menyiapkan diri sebagai guru cemerlang” (ID 43)

“...semangat utk mengatasi kelemahan yang ada...” (ID 50)

“.....menyedari peranan guru dan bersemangat meningkatkan profesionalisme diri” (ID 53)

### **Perbincangan Dan Kesimpulan**

Demi melaksanakan amanah yang diberi dalam pendidikan guru, pihak IPG harus memastikan guru pelatih telah menyiapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin berlaku di sekolah kelak. Guru pelatih perlu menyedari bahawa peranan guru bukan hanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah malah ia menjangkau masa, tempat dan bidang tugas (Noriati A.R., et al., 2010). Kemahiran untuk mengadaptasi diri dalam budaya sekolah merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh guru pelatih sejajar dengan matlamat BPG melahirkan guru yang kompeten dan berkualiti. Dalam konteks kajian ini, dapatkan kajian yang dikumpul melalui soal selidik 8 item menunjukkan bahawa para guru pelatih mendapat banyak input autentik tentang cabaran-cabaran yang mereka mungkin akan menghadapi di sekolah kelak. Majoriti guru pelatih memberi komen bahawa mereka memperoleh banyak pengetahuan tentang situasi sebenar budaya kerja di sekolah dan jenis-jenis tugas sampingan guru. Pengetahuan ini akan membantu mereka membuat persiapan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang mungkin berlaku di sekolah dan mencari jalan untuk menghadapi cabaran tersebut. Tambahan lagi, guru pelatih turut berpersepsi bahawa liputan Forum Pendidikan telah mempengaruhi pandangan mereka tentang peranan sebagai seorang guru, memaklumkan jangkaan pentadbir terhadap guru permulaan dan mendedahkan mereka peluang untuk peningkatan profesionalisme. Maklumat ini telah menguatkan semangat berkerja mereka sebagai guru permulaan. Dapatkan kajian ini disokong oleh beberapa dapatkan kajian lepas yang mengatakan bahawa pemahaman guru pelatih tentang tugas dan peranan guru secara terperinci sebelum mereka mengorak langkah bertugas ke sekolah dapat memberi keyakinan serta memperkembangkan amalan dan kemahiran profesionalisme berterusan (Clandinin & Connelly, 1995; Gratch, 2001; Kelchtermans & Ballet, 2002).

Dalam pada itu, analisis data kualitatif juga didapati menyokong dan melengkapkan data kuantitatif. Guru pelatih merumuskan bahawa mereka mendapat pendedahan tentang budaya kerja sebenar di sekolah, strategi-strategi untuk menghadapi cabaran dan landasan yang dijadikan hala tuju untuk mereka membuat peningkatan profesionalisme (Boon P.Y. 2008). Berdasarkan keputusan kajian didapati kebanyakan guru pelatih telah bersedia untuk menempuh cabaran sebagai guru permulaan di sekolah. Mereka memahami guru perlu memainkan banyak peranan dalam pelbagai tugas dan tanggungjawab. Mereka sedar akan kepentingan melengkapkan diri dengan pelbagai aspek kemahiran, pentadbiran, pengurusan dan akademik demi memenuhi keperluan sekolah dan murid. Pengetahuan baru dan perkongsian pengalaman memberi kekuatan kepada guru pelatih untuk bersedia sebelum berkhidmat di sekolah. Kesediaan minda sedemikian akan memudahkan transisi peranan daripada guru pelatih kepada guru permulaan yang mana akan memanfaatkan murid-murid dan pihak sekolah. Dapatkan kajian ini turut disokong oleh Bezzina (2006) yang mengatakan bahawa persediaan dan pendedahan tentang budaya kerja sekolah akan memudahkan guru pelatih mempraktikkan kemahiran yang dipelajari semasa latihan perguruan dalam tugas-harian di sekolah. Amalan terbaik IPG ini telah memberi impak

positif dan sumbangan yang signifikan dalam melengkapkan guru pelatih dengan pengetahuan dan pengalaman autentik yang tidak dapat diperoleh dalam buku.

### **Implikasi Kajian**

Dalam usaha melonjakkan institut pendidikan guru ke arah kecemerlangan, guru permulaan keluaran IPG seharusnya dapat menyesuaikan diri dengan seelok dan secepat yang mungkin kepada budaya kerja sekolah. Mereka juga diharapkan dapat memenuhi jangkaan pihak pentadbir sekolah terhadap kompetensi mereka sebagai guru permulaan dalam pelbagai aspek. Dapatkan kajian memaklumkan bahawa usaha IPG untuk memberi pendedahan awal tentang situasi berkerja di sekolah akan membantu guru pelatih membuat persiapan dari segi mental untuk menghadapi cabaran di sekolah kelak. Di samping itu, dapatkan kajian ini dapat memaklumkan pihak pentadbiran institut terhadap kepentingan mengadakan forum pendidikan sedemikian dalam kurikulum pendidikan guru yang memberi sokongan padu memantapkan program pembangunan profesionalisme guru pelatih khususnya dalam aspek budaya kerja sekolah agar mereka terus kekal dalam profesi keguruan (Delgado, 1999; Halford, 1998). Dalam hal yang lain, dapatkan kajian ini secara tidak langsung juga menonjolkan kepentingan memberi kursus induksi kepada para guru permulaan untuk mengasimilasi dan mengakomodasi amalan dengan teori yang dipelajari di IPG. Langkah proaktif ini akan dapat memantau guru permulaan supaya berkhidmat dengan komitmen tinggi dan terus kekal dalam profesi keguruan (Chong, Choy & Wong, 2009). Pada dekad ini, perkembangan institut pendidikan guru akan menjadi semakin produktif apabila transisi peranan guru pelatih kepada peranan guru permulaan dapat dijalankan dengan lancar. Dengan itu, guru permulaan dapat memajukan diri ke arah menjana transformasi dalam pendidikan yang diharap-harapkan oleh negara kita.

### **Rujukan**

- Abdul Rahman Md. Aroff & Asmawati Suhid. (2002). Profesional perguruan melampaui kod etika profesional. *Prosiding Seminar Kebangsaan Profesional Perguruan*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akhiar Pardi, Shamsina Shamsuddin & Muhamad Kushairi Jusoh. (2012). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2006). *Laporan Tahunan 2006: Bahagian Pendidikan Guru*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2007). *Manual Kualiti*. Kementerian Pelajaran Malaysia. (Februari). Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bezzina, C. (2006). Views from the trenches: Beginning teachers' perceptions about their professional development. *Journal of In-Service Education*, 32(2), 411-30.
- Boon Pong Ying. (2008). Amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme diri guru. *Jurnal IPBA*, 3(2), 102-109.
- Chong, S., Choy, D., & Wong, F. L. (2008, March). *Pedagogical knowledge and skills of pre-service primary school teachers*. Paper presented at the AARE Conference, Brisbane, Australia. Retrieved from <http://www.aare.edu.au/08pap/code08.htm>
- Clandinin, D. J., & Connelly, F. M. (1995). *Teachers' professional knowledge landscape*. New York: Teachers College Press.

- Delgado, M. (1999). Lifesaving 101: How a veteran teacher can help a beginner. *Educational Leadership*, 56(8), 27–29.
- Gratch, A. (2001). The culture of teaching and beginning teacher development. *Teacher Education Quarterly*, 28(4), 121–136.
- Halford, J. M. (1998). Easing the way for teachers. *Educational Leadership*, 55(5), 33-6.
- Kelchtermans, G., & Ballet, K. (2002). The micropolitics of teacher induction. A narrative-biographical study on teacher socialisation. *Teaching and Teacher Education*, 18, 105-120.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia ke-9: Pelan induk pembangunan pendidikan 2006–2010*. Putrajaya, Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya, Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd. Hasani Dali, Salleh Abd. Rashid & Mohammed Sani Ibrahim. (2006). Konsep profesionalisme keguruan. In Norasmah Othman, Zamri Mahamod dan Mohammed Sani Ibrahim (eds). *Kesediaan profesionalisme guru novis: Cadangan model latihan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati Abdul Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah Abdul Majid. (2010). *Guru dan cabaran semasa*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Robiah Sidin. (2002). Konsep guru professional. *Prosiding Seminar Kebangsaan Profesional Perguruan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Strauss, A. , & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research: Grounded theory procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Syed Kamaruzaman. (2013). Faktorkekangan ibu bapa dan persekitaran sekolah dalam pelaksanaan pengajaran pendidikan jasmani di sekolah rendah. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2013*, Bahagian Pendidikan Guru, Putrajaya.